

## AMALAN *TALAQQI* DAN *MUSHAFahah* DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SJKC

Rabeah Binti Ghazalli, Sabri Bin Mohamad  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email: [rabeahghazalli82@gmail.com](mailto:rabeahghazalli82@gmail.com); [sabri\\_m@ukm.edu.my](mailto:sabri_m@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Tilawah al-Quran merupakan bidang utama dalam mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah. Bidang yang menitikberatkan pembacaan ayat-ayat al-Quran dalam ayat bacaan, kefahaman atau hafazan. Peranan guru penting sebagai pendidik dan pembimbing dalam melaksanakan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Artikel ini adalah hasil dapatan kajian pelaksanaan amalan talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran guru pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Kajian kualitatif ini melihat sejauhmana kaedah talaqqi dan musyafahah digunakan semasa sesi PdPc. Seramai enam orang guru pendidikan Islam dari enam buah SJKC dipilih sebagai responden kajian ini. Data diperolehi melalui analisis dokumen dan pemerhatian semasa PdPc. Dapatan menunjukkan semua responden bersepakat dengan keberkesanan kaedah talaqqi dan musyafahah. Namun berdasarkan pemerhatian semasa PdPc, kaedah talaqqi dan musyafahah tidak diamalkan secara menyeluruh kerana kaedah tasmik lebih diutamakan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber untuk peningkatan kualiti PdPc bidang tilawah al-Quran kerana kaedah ini telah dipelopori sejak penerimaan wahyu pertama oleh Rasulullah SAW melalui perantaraan Jibril AS

Kata kunci: *Pengajaran dan Pemudahcaraan; Talaqqi dan Mushafahah; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*

### I. Pendahuluan

Al-Quran merupakan panduan lengkap meliputi setiap aspek kehidupan manusia. Kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah kepada Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia. Sejarah Islam telah membuktikan *talaqqi dan musyafahah* adalah kaedah tertua yang diperkenalkan oleh Malaikat Jibril a.s kepada Rasulullah SAW sewaktu menerima wahyu yang pertama di Gua Hirak. Menurut Al-Bukhari (1400H: jil.1.15), Rasulullah SAW dengan mudah memahami dan menguasai ayat yang disampaikan. Baginda mendengar dengan baik dan teliti kemudian menyebut dan melafazkannya sehingga Baginda dapat mengingati ayat tersebut. Dapatan ini turut dinyatakan dalam kajian (Ashraf et.al 2019) iaitu sewaktu menerima wahyu yang pertama daripada Malaikat Jibril, wahyu itu diambil secara talaqqi dan mushafahah yang mana melalui pembacaan Jibril dan kemudian diikuti bacaannya oleh Rasulullah SAW. Pendekatan ini sewajarnya digunakan dan diberi nilai tambah agar kaedah pengajaran kalam suci ini tidak jauh ketinggalan dari kaedah moden (Sharifah Norshah Bani et.al 2017). Kaedah ini sangat sinonim dalam mempelajari al-Quran. Pandangan ini selari dengan kajian (Paharudin et.al 2016), (Amal Hayati 2012) dan (Misnan et.al 2013) yang menyatakan kaedah ini adalah kaedah terbaik bagi meningkatkan kemahiran murid dalam tilawah al-Quran. Oleh kerana itu, dalam konteks pendidikan al-Quran pada hari ini, kaedah talaqqi dan mushafahah ini wajar digunakan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) supaya ilmu pembacaan kalam Allah tidak luput dipersada pendidikan. PdPc al-Quran adalah langkah permulaan untuk memahami Islam (Paharudin et.al 2014). Pentingnya pembelajaran berteraskan al-Quran demi melahirkan modal insan yang berakhlak mulia dan mendapat didikan yang sempurna (Sharifah Norshah Bani et.al 2011).

Penggunaan kaedah talaqqi dan mushafahah ini amat dititik beratkan dalam pendidikan pelajar-pelajar tahfiz di Malaysia. Darul Quran JAKIM antara institusi yang menggunakan kaedah ini dalam kaedah hafazan. Pensyarah memperdengarkan dahulu bacaannya pada setiap ayat kemudian diikuti oleh pelajar atau pensyarah menyemak bacaan pelajar pada ayat-ayat yang hendak dihafaz atau menyemaknya ketika waktu *tasmik* (Ashraf et.al 2019). Namun di peringkat sekolah, kaedah ini semakin dilupakan. GPI mengutamakan kaedah tasmik terus tanpa talaqqi dan mushafahah. Penumpuan lebih diberikan kepada pencapaian khatam al-Quran dalam program j-QAF. Pencapaian ini penting kerana pelajar seharusnya khatam al-Quran sebelum masuk ke alam sekolah menengah. Kajian (Mohd Izzuddin et.al 2015) dalam mengkaji kesediaan guru berkaitan pengajaran model tasmik program j-QAF terhadap 422 orang guru j-QAF menyatakan tahap kesediaan guru adalah pada tahap yang tinggi dalam menghasilkan PdPc yang berkesan. Model Tasmik Khatam al-Quran juga melibatkan perkembangan bacaan al-Quran murid bagi membolehkan murid khatam al-Quran semasa berada di sekolah rendah. Justeru, tumpuan utama artikel ini adalah untuk meneroka pelaksanaan amalan *talaqqi dan mushafahah* yang diamalkan dalam kalangan GPI di SJKC.

## II. Pernyataan Masalah

Kajian berkaitan program dan peranannya serta penguasaan kemahiran membaca al-Quran telah banyak dijalankan, namun belum kelihatan dengan jelas dan terperinci kajian yang menilai penguasaan hukum tajwid nun sakinah dan tanwin dalam membaca ayat bacaan (surah terpilih) dalam bidang tilawah al-Quran khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Untuk menjawab persoalan ini, penulis berpandangan perlunya kajian ini dijalankan kerana kemahiran membaca dengan betul, fasih dan meraiikan tajwid menjadi fokus utama dalam bidang Tilawah al-Quran. Bermula dari penguasaan surah-surah pendek inilah membawa kepada penguasaan tajwid yang lebih baik dalam bacaan surah-surah panjang dalam al-Quran. Ini selaras dengan fokus utama dalam pengajaran dan pembelajaran bidang tilawah al-Quran iaitu kemahiran membaca surah-surah terpilih daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid serta mengamalkan dalam kehidupan seharian.

1. **Kajian Hajarul et.al (2012)** terhadap penguasaan nun sakinah dalam tilawah al-Quran yang berfokus kepada pelajar bermasalah penglihatan dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi seluruh Malaysia menyatakan keseluruhan pelajar tidak mencapai tahap penguasaan hukum nun sakinah dan ini menimbulkan pelbagai persoalan yang perlu diperbincangkan.
2. **Rashidah Md Hasan et.al (2015)** turut menyatakan pencapaian kelancaran bacaan al-Quran beserta hukum tajwid dalam kalangan majoriti murid sekolah rendah adalah pada tahap sederhana kerana pengetahuan hukum tajwid adalah pada tahap lemah. Maka penekanan perlu terhadap pengetahuan hukum tajwid semasa proses PdP. Oleh itu, peranan guru penting terhadap pencapaian penguasaan tajwid dalam kalangan murid kerana seorang guru mampu mempengaruhi fokus dan kefahaman murid dalam mendidik.
3. Kajian **Azmil dan Jahidih (2015)** membuktikan kemahiran al-Quran guru mempunyai hubungan yang rapat kerana rendah atau tinggi tahap kemahiran al-Quran guru menjadi faktor penentu kepada keberkesanan pengajaran tajwid kepada pelajar.
4. Pandangan ini selari dengan dapatan kajian **Abdul Jamir et.al (2012)**, penggunaan kaedah pengajaran yang efektif dapat memberi ruang kepada guru dalam memberi kefahaman dan mengawasi aktiviti pelajar, bahkan juga menggambarkan tahap kebijaksanaan guru dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan kondusif seiring dengan hasrat sistem pendidikan pada abad ke-21 yang lebih menumpukan kepada penggunaan TMK dan pembelajaran berpusatkan pelajar.
5. **Maimun Aqsha Lubis et.al (2017)** turut menyatakan dalam kajian berkaitan Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru-Guru Pendidikan Islam, bahawa para pelajar amat bergantung kepada tunjuk ajar guru kerana guru lebih banyak masa bersama mereka di sekolah berbanding bersama ibu bapa di rumah. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian
6. **Mohd Izzuddin et.al (2015)** tentang kesiediaan 422 orang guru dalam pengajaran model tasmik program j-QAF, bahawa tahap kesiediaan guru adalah pada tahap paling tinggi dan telah menghasilkan pengajaran yang berkesan kepada murid-murid. Model Tasmik program j-QAF turut memberi kesan dalam perkembangan bacaan al-Quran murid bagi membantu murid khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah.

Kaedah *talaqqi dan musyafahah* sinonim dalam mempelajari al-Quran. Pendapat ini selari dengan kajian (Paharudin et.al 2016) dan pengkaji-pengkaji terdahulu seperti (Amal Hayati 2012) dan (Misnan et.al 2013) yang menyatakan kaedah ini adalah kaedah terbaik bagi meningkatkan kemahiran murid dalam tilawah al-Quran. Ini adalah kaedah mempelajari al-Quran yang mewajibkan pembelajaran secara berdepan antara guru dan murid seperti yang dipraktikkan oleh Jibril a.s kepada Rasulullah SAW. Kaedah ini merangkumi pembacaan, penulisan, pemahaman, penghafazan dan pengamalan yang sangat dititikberatkan. Pembacaan al-Quran tanpa bimbingan guru menjadikan kalam Allah itu tidak dijaga kesuciannya. Sebagaimana yang dirakamkan dalam sejarah awal pengajaran dan pembelajaran al-Quran antara Rasulullah SAW dan Jibril a.s, dapat disimpulkan bahawa ada lima teknik khusus iaitu talaqqi (mengikut bacaan guru secara bersemuka), musyafahah (mengikut bacaan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya), tasmī‘ (memperdengarkan bacaan kepada guru), muraja‘ah (mengulangkaji hafalan) dan tadarus (seorang membaca dan yang lain mendengar dengan penuh tumpuan) agar dapat membetulkan kesilapan sama ada antara murid dengan guru atau antara murid dengan murid (Syarifah Norshabani et.al 2011).

### III. Metodologi Kajian

Kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes ini melibatkan sekumpulan kecil GPI yang terdiri daripada 6 orang GPI di enam buah SJKC di Negeri Sembilan. Dalam kajian ini pengkaji hanya mengkaji pelaksanaan amalan kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* sahaja semasa sesi PdPc bidang al-Quran. Peserta kajian dikenali sebagai GPI1, GPI2, GPI3, GPI4, GPI5 dan GPI6 iaitu Guru Pendidikan Islam yang pertama (GPI1) sehinggalah Guru Pendidikan Islam yang keenam (GPI6).

### IV. Hasil Kajian

*Talaqqi* dari segi bahasa pelajar mengikut bacaan guru secara bersemuka. *Mushafahah* pula bermakna mengikut bacaan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya. Dalam kajian ini *talaqqi* dan *mushafahah* ialah kaedah pelajar mengambil bacaan al-Quran secara langsung daripada GPI semasa sesi PdPc atau di luar sesi PdPc. Kaedah ini tetap dijalankan tetapi mengikut kesempatan masa dan kategori pelajar. Demikianlah yang seringkali diamalkan oleh GPI1. GPI1 menegaskan kebiasaannya pelajar meminta memperdengarkan bacaan (*tasmik*) dahulu kerana pelajar telah membaca ayat tersebut di rumah atau di tempat mengaji (luar sekolah). Cara ini kebiasaannya digunakan apabila bersama pelajar terus (pelajar yang baik bacaan dan boleh membantu membimbing rakan yang lain). Berbeza dengan pelajar yang sederhana atau lemah. GPI1 bertalaqqi satu atau dua ayat terlebih dahulu dan pelajar bermushafahah dengan ayat tersebut. Sebelum kelas tamat, pelajar ditasmik supaya guru dapat mencatat tahap penguasaan pelajar pada hari berkenaan. Manakala GPI2 lebih mengutamakan *tasmik* atas alasan pelajarannya ramai yang telah menguasai bacaan al-Quran. Menurut GPI2, pelajar terus ditasmik tanpa mendahulukan kaedah *talaqqi* dan *mushafahah*. Kebiasaannya pelajar hanya datang untuk ditasmik dan bertanyakan berkaitan hukum tajwid. Pelajar sebegini diberikan latihan pengukuhan lain seperti menyatakan potongan ayat berdasarkan hukum tajwid yang diminta atau menyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi potongan ayat yang diberikan guru.

Sementara GPI3 sangat menekankan tasmik kerana semasa tasmik pelajar diberi bimbingan dan sewaktu itu proses *talaqqi* dan *mushafahah* turut dilakukan. GPI3 menyatakan waktu amat terhad sepanjang PdPc. Oleh itu waktu tasmik sangat penting dan memberi ruang untuk guru membantu pelajar. Sewaktu pelajar ditasmik, guru terus menegur jika berlaku kesilapan bacaan dan meminta pelajar memerhatikan dan mengikut sebutan dan bacaan guru yang betul. Secara tidak langsung, pelajar dapat memperbaiki bacaannya ketika itu dan GPI3 selesai dengan cara ini. Kaedah *talaqqi* penting, tetapi dengan mengutamakan tasmik, ia sangat memadai dan membantu pelajar. GPI4 turut memilih tasmik sebagai kaedah utama dalam pembelajaran al-Quran. Kekangan masa PdPc dan keberadaan guru di sekolah menuntut guru melaksanakan kaedah bergantung kepada kesesuaian masa. Kebiasaannya pelajar terus ditasmik bacaan mereka. Manakala pelaksanaan *talaqqi* dan *mushafahah* hanya kepada pelajar yang lemah secara berkumpulan.

GPI5 turut menerima kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* penting dalam silibus khatam al-Quran. BIG atau Baca Ikut Guru salah satu cara membimbing pelajar-pelajar lemah. Namun GPI5 lebih menekan tasmik pada ayat-ayat hafazan dan silibus khatam al-Quran kerana kesuntukan masa. Begitu juga dengan GPI6 yang turut mengamalkan *talaqqi* dan *mushafahah* tetapi mengutamakan tasmik sekiranya kekangan masa. Kebiasaannya GPI6 mendahulukan tasmik kepada pelajar-pelajar terus. Pelajar lemah diletakkan dalam satu kumpulan dan bertalaqqi *mushafahah* bersama guru dalam tempoh lima belas ke tiga puluh minit. Pemerhatian pengkaji sepanjang PdPc, GPI3 dan GPI5 sahaja yang melaksanakan kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* dalam silibus khatam al-Quran sewaktu PdPc bidang tilawah al-Quran untuk semua pelajar. Manakal GPI1, GPI2, GPI4 dan GPI6 terus melaksanakan tasmik kepada pelajar dan membetulkan bacaan pelajar pada waktu yang sama. Kaedah tasmik ini lebih tertumpu kepada pelajar terus dan pelajar lemah dibimbing dengan BIG.

Semasa permulaan PdPc, GPI3 dan GPI5 meminta pelajar mengikut bacaan guru. Selepas selesai sesi *talaqqi* dan *mushafahah*, kumpulan pelajar terus bersama menyemak bacaan dan menegur kesilapan serta terus membetulkannya. Manakala GPI2 terus melaksanakan tasmik dengan memanggil pelajar mengikut giliran. Masa yang diperuntukan adakalanya tidak mencukupi untuk guru menghabiskan semakan bacaan keseluruhan pelajar yang berjumlah 10 hingga 15 orang dalam satu kelas. Berbeza dengan GPI1 dan GPI6 yang membahagikan pelajar kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pelajar yang lemah dan kumpulan pelajar terus. Pelajar terus ditasmik pada permulaan kelas. Pelajar yang telah ditasmik diminta membimbing pelajar lemah dan kemudian ditasmik oleh GPI1. GPI4 turut melaksanakan sesi PdPc yang sama tetapi membahagikan pelajar lemah kepada kumpulan yang lebih kecil dan diletak setiap kumpulan seorang pelajar terus. GPI4 memanggil pelajar mengikut kumpulan dan dimulakan tasmik dengan pelajar terus. Sewaktu pelajar lemah ditasmik, pelajar terus turut membantu pelajar lemah membaca secara *talaqqi* *mushafahah*. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam kalangan peserta kajian seperti yang dinyatakan. Pemerhatian pengkaji mendapati mereka mengutamakan tasmik dalam pelaksanaan PdPc. *Talaqqi* dan *mushafahah* tidak dilaksanakan dengan cara yang betul. Ini memberi kesan kepada pembacaan al-Quran pelajar terutamanya dalam aspek sebutan makhraj huruf dan bacaan bertajwid. Pengetahuan ilmu tajwid melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat awal kanak-kanak. Apabila mereka mula mengenal

*huruf hijaiyyah*, mereka telah mula mempelajari ilmu tajwid yang asas kerana mengenal huruf dan menyebut huruf dengan makhrj yang betul adalah tajwid. Zakaria Stapa et al. (2012) turut berpendapat bahawa pendidikan awal amat penting bagi mencorakkan seseorang individu kerana fitrahnya seorang manusia dilahirkan suci dan tidak mengetahui apa-apa. Kajian Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh 2013 menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah melaksanakan empat langkah pengajaran Al-Quran iaitu membaca Al-Quran dengan betul. Rasulullah SAW membaca secara *talaqqi-musyafahah* dengan Malaikat Jibril AS. Maka Baginda juga mengajar Al-Quran kepada para sahabat dengan cara ini. Rasulullah SAW menerangkan maksud ayat supaya para sahabat memahami intisari ayat yang dibaca. Kemudian para sahabat diminta menghafaz di samping ayat-ayat Al-Quran itu ditulis di pelepah-pelepah tamar, tulang dan kulit. Demi menjaga kelangsungan dalam pengajaran Al-Quran, para sahabat berusaha mengamalkan ajaran Al-Quran berdasarkan ajaran yang difahami dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Pandangan ini selari dengan kajian (Azmil Hashim et al. 2013) dan (Paharudin Arbain et al. 2014) yang menyatakan kaedah ini adalah kaedah terbaik bagi meningkatkan kemahiran murid dalam tilawah al-Quran.

Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* ini hendaklah berpandukan dua acara iaitu guru membaca dihadapan murid dan murid hanya mendengar. Cara ini digunapakai oleh orang-orang terdahulu. Manakala cara kedua ialah murid membaca sambil didengar oleh guru dan membetulkan bacaan jika terdapat kesalahan. Ulama' berpendapat, menghimpunkan dua acara ini adalah kaedah terbaik dalam mempelajari dan mengajar Al-Quran (Khairuddin Said 2014). Penggunaan Buku Iqra' mula diperkenalkan di sekolah rendah sebagai penambahbaikan dalam teknik pembelajaran al-Quran. Kaedah dalam buku ini disusun oleh As'ad Humam iaitu Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musolla Yogyakarta telah digunapakai dalam sistem pendidikan di Malaysia. Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM pada Januari 1994 menyatakan bahawa murid Tahun Satu di sekolah rendah kebangsaan mesti diberi penekanan dalam bidang Al-Quran menggunakan kaedah Iqra' dalam tempoh enam bulan bermula sesi persekolahan tahun 1994/1995. Kaedah ini diteruskan dan setiap murid mesti memiliki buku Iqra' dan mengikut kelas kemahiran Al-Quran. Penambahbaikan terus dibuat oleh KPM yang mana program j-QAF bermula tahun 2005 meneruskan kaedah ini dan memberi fokus dan harapan agar murid dapat menguasai bacaan Al-Quran dan khatam Al-Quran di peringkat sekolah rendah (Norsyida Md Zin et al. 2014).

Kajian berkaitan pembelajaran al-Quran menggunakan kaedah Iqra' juga memberi kesan yang positif dan lebih mudah dikuasai oleh kanak-kanak. Kajian tindakan Muhamad Zahiri Awang Mat et al. 2016 menunjukkan bahawa kaedah pintas Iqra' telah berjaya membantu dalam peningkatan penguasaan huruf hijaiyyah. Keistimewaan kaedah ini adalah murid tidak perlu mengeja dan pendekatan teknik *talaqqi-musyafahah* dipraktiskan. Selain itu penggunaan *murid turus* (murid yang telah menguasai tahap pembelajaran tertetu dalam buku Iqra') diminta membantu guru menyemak bacaan rakan yang lemah. Pendekatan ini sebagai nilai tambah kepada murid tersebut. Buku Iqra' yang digunakan di tulisan berorientasikan Rasm Uthmani dan berpandukan Teknik Pengajaran Cara Belajar Murid Aktif (CBMA). Kaedah ini dilihat lebih sistematik dan fleksibel kepada murid dalam mempelajari ilmu tajwid secara tidak langsung. Aspek penilaian menjadi lebih mudah kerana pentaksiran berdasarkan pencapaian individu dan mampu mewujudkan suasana persaingan dan interaksi aktif antara guru dan murid. Dengan menggunakan kaedah yang baik dan bersesuaian membantu pelajar mendapat ilmu pengetahuan, kemahiran dan membawa kepada perubahan sikap dan tingkah laku yang lebih baik (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2012).

## V. Kesimpulan

Pembelajaran yang berkesan memerlukan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Dalam pembelajaran al-Quran, kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah* merupakan kaedah yang paling sesuai supaya pelajar dapat menerima ilmu dan teguran secara langsung daripada guru. Pelaksanaan dalam kumpulan yang lebih kecil dan dibimbing sepenuhnya oleh guru lebih membantu pelajar dalam peningkatan penguasaan bacaan al-Quran. Pembelajaran secara langsung turut membantu pelajar menerima teguran daripada guru berkaitan bacaan yang betul dan hukum bacaan yang tepat. Pelajar juga turut membantu guru supaya lebih fokus sewaktu PdPc berlangsung supaya masa yang diperuntukan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Guru juga perlu lebih bersedia supaya bacaan dan teguran guru memberi perkongsian ilmu yang memanfaatkan kepada pelajar. Sekiranya guru sendiri tidak menguasai ilmu al-Quran dengan sebaiknya, maka timbul kesan negatif kepada pemahaman pelajar kelak. Oleh itu kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* adalah kaedah terbaik yang mesti dilaksanakan dalam PdPc dalam bidang tilawah al-Quran.

## Rujukan

1. Amal Hayati Md. Noor, Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Quran Program j-QAF 2013
2. Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri & Nurul Huda Hassan. 2019. Pelaksanaan amalan talaqqi dan mushafahah dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia. *Islamiyyat Journal* 2019.
3. Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. Sejarah, kaedah, serta model pengajaran dan pembelajaran al-quran (history, methods, and models of teaching and learning of the quran). Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia. 2013
4. Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar 2009.
5. Misnan Jemali, Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-quran di Malaysia. 2013
6. Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim & Kamarulzaman Abd Ghani Mohd Izzuddin. Kesiediaan guru dalam pengajaran model tasmik program j-qaf. 2015.
7. Muhamad Zahiri Awang Mat, Siti Salwa Md Sawari, Aziroh Puteh & Nur Farhie Syazreen Zubir. Identifikasi kesan kaedah pintas iqra terhadap tahap penguasaan huruf hijaiyyah dalam kalangan murid sekolah kebangsaan di Malaysia. 2016.
8. Norsyida Md Zin, Sedek Ariffin & Norhidayah Yusoff. Keberkesanan teknik Iqra' dan Al-Baghdadi: Suatu perbandingan. *Jurnal Usuluddin* 2014
9. Paharudin Arbain, Misnan Jemali, Ibrahim Hashim & Azmil Hashim. Persepsi murid terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran guru dan hubungannya dengan pencapaian murid dalam tilawah al-quran program j-qaf. . 2014
10. Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor & Zulkifli A. Manaf. Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa 2011
11. Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin. Pendidikan menurut al-Quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. 2012

